

## Sektor Buku dan Penerbitan Digital

**S**EKTOR buku negara dijangkakan mampu untuk terus berkembang pesat walaupun diasak oleh pelbagai perubahan oleh bidang yang lain. Sungguhpun begitu, jangkaan tersebut tidak mengambil kira andainya industri buku negara terpaksa pula berdepan dengan isu kelembapan ekonomi. Keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, sudah tentu memberikan impak yang besar terhadap pertumbuhan pelbagai industri dan industri buku negara juga tidak terlepas daripada terkena tempasnya.

Walaupun bagaimanapun, situasi sukar ini harus didepani oleh pemain industri demi kelangsungan sektor yang penting bagi membangunkan masyarakat yang berilmu dan berkualiti untuk bekalan modal insan negara. Untuk itu, industri buku negara harus terus berdaya saing dan mara ke hadapan selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Sementara itu, peralihan daripada bentuk bercetak kepada bentuk digital semakin

mengambil tempat dan banyak ruang serta peluang yang boleh diteroka menerusi penerbitan digital. Malahan proses perubahan menjadi semakin lebih kompleks kerana pendigitalan sebagai kuasa penggerak diperkukuh oleh pengaruh globalisasi ke dalam industri yang secara tradisinya amat tertakluk pada sempadan nasional serta linguistik.

Buku dan pembacaan ialah gerbang utama kepada pembelajaran dan hiburan bagi jutaan orang di seluruh dunia. Oleh itu, hal tersebut turut menyumbangkan perkembangan positif pasaran buku serta penerbitan di seluruh dunia dan dalam konteks Malaysia, negara tidak terkecuali daripada perubahan yang berlaku di serata dunia itu.

Menelusuri perkembangan bahan bacaan daripada penerbitan buku secara konvensional kepada buku elektronik (e-buku), hal ini berlaku dengan pantas di seluruh dunia sejak tahun 2007. Banyak syarikat antarabangsa, sama ada yang berasaskan teknologi mahupun yang berasaskan perdagangan buku, seperti Google, Amazon, dan Apple, mula meneroka pasaran e-buku secara serius.

Antara beberapa perkembangan lain yang wajar diambil perhatian termasuklah pelancaran Kindle sebagai platform e-buku pada tahun 2007. Apple pula memperkenalkan aplikasi Kindle

untuk iPhone pada tahun 2009. Pada suku kedua tahun 2009, Amazon mengumumkan bahawa jualan e-buku di laman web mereka mewakili 35 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan syarikat tersebut pada tahun itu.

Kemunculan urus niaga internet pada tahun 1993 memberikan prospek baharu kepada penerbitan elektronik. Melalui internet, data boleh dihantar dan disebarkan ke seluruh pelusok dunia dengan amat pantas. Sistem *ISDN (Integrated Services Digital Network)* membolehkan penghantaran data dan suara melalui talian telefon biasa, dan mencetuskan revolusi baharu dalam penerbitan.

Selepas itu, sistem FTP (*File Transfer Protocol* atau Protokol Pemindahan Fail) membolehkan data yang lebih besar dipindahkan dari komputer ke komputer. Seterusnya teknologi jalur lebar digunakan dengan meluas kini dalam urusan penghantaran data dalam internet dengan peningkatan keupayaan dan kelajuan yang lebih tinggi serta capaiannya yang tidak terhad dari segi masa dan lokasi. Tahun 1994 merakamkan sejarah penggunaan internet yang berkembang dengan pantasnya ke seluruh dunia.

Kewujudan internet mencetuskan evolusi baharu dalam dunia penerbitan. Penjual buku mula menjual buku secara dalam talian dalam lingkungan geografi yang tidak terbatas. Perpustakaan pula mula mencipta laman sesawang sebagai tettingkat maya dan seterusnya perpustakaan maya bagi menggantikan koleksi bercetak yang memerlukan ruang yang besar serta memberikan kemudahan capaian yang lebih baik.

Akhbar dan majalah pula dapat diperolehi secara dalam talian. Terdapat juga jurnal mula beralih dari versi cetak kepada versi dalam talian bagi mengurangkan kos terbitan serta memberikan pilihan kepada pengguna memilih artikel yang diperlukan sahaja. Bagi penerbit, komunikasi antara karyawan, seperti penulis, editor dan pereka bentuk, berlangsung dengan lebih pantas dan lebih mudah tanpa mengira batasan masa dan geografi.

Ternyata kemunculan internet memberikan sumbangan yang besar bagi mewarnai dunia penerbitan digital dan mencetuskan revolusi aplikasi e-buku. Penjualan e-buku secara dalam

talian tanpa mengira batas geografi dan hanya dilakukan di hujung jari menjadi fenomena yang secara tidak langsung memberikan kesan kepada perkembangan industri buku secara konvensional. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2016 oleh International World Stats, dapatan menunjukkan bahawa 3.2 bilion orang atau 42 peratus daripada populasi dunia yang berjumlah 7.6 bilion orang menggunakan internet dan pengguna di benua Asia mengungguli carta pengguna terbanyak yang melayari internet.

Dalam kalangan negara Asia, Malaysia berada di tangga ke-10 dalam kalangan 10 negara pengguna internet tertinggi di Asia, dengan pertumbuhan penggunaan internet 379.0 peratus dalam tempoh 12 tahun. Kadar penembusan internet di Malaysia pula ialah 60 peratus daripada jumlah penduduk, iaitu yang ketiga tertinggi dalam kalangan 10 buah negara pengguna internet tertinggi di Asia.

Statistik peringkat global menunjukkan pengguna internet di rumah dalam lingkungan umur 20-39 tahun pada tahun 2014 ialah 60.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pengguna internet dunia, berbanding dengan 48 peratus pada tahun 2012 dan 50.5 peratus pada tahun 2010.

Sementara itu, laporan yang dikeluarkan oleh firma analisis digital dunia, ConScore Inc., pula memperlihatkan bahawa Malaysia mencatatkan kadar penggunaan telefon pintar dan tablet antara yang tertinggi dalam kalangan Negara di Asia. Kadar pemilihan telefon pintar hingga September 2015 ialah 80 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi digital di Malaysia, dan kadar penembusan tablet ialah 42 peratus daripada populasi digital negara.

Data ini menunjukkan bahawa platform mudah alih merupakan medium utama dalam melayari internet dan bolehlah dikatakan bahawa tahap kemajuan industri digital yang tinggi sedang berlaku di Malaysia.

Dengan merujuk data statistik yang diberikan, industri penerbitan perlu mengambil peluang

Analisis digital dunia, ConScore Inc., pula memperlihatkan bahawa Malaysia mencatatkan kadar penggunaan telefon pintar dan tablet antara yang tertinggi.



untuk menghasilkan produk penerbitan digital yang sesuai dengan setiap golongan berdasarkan lingkungan dan peringkat umur mereka. Angka yang dipaparkan memberikan harapan kepada penerbit buku yang sentiasa dihantui oleh kos pengeluaran yang tinggi, terutamanya dalam kalangan penerbit buku ilmiah.

Berdasarkan kejayaan industri e-buku di beberapa buah negara Asia, seperti Jepun dan China, angka yang ada memberikan gambaran bahawa industri ini berpotensi cerah dan boleh dibangunkan sebagai antara industri utama negara. China sebagai contoh, pada tahun 2013, mencatatkan hasil jualan e-buku sebanyak 137.79 bilion Yuan (RM6.7 bilion) dan Jepun sekitar 65 bilion Yen (RM2.3 bilion).

Berikutan itu, Jepun dikatakan menyasarkan jualan e-buku antara 200-300 bilion Yen (RM6-RM7 bilion) bagi tahun 2015. Di Korea pula, peningkatan 200 peratus setiap tahun bagi pasaran e-buku telah direkodkan.

**Di negara maju seperti Amerika Syarikat, 60 peratus pembacanya lebih selesa dengan e-buku berbanding dengan penerbitan buku (p-buku).**

Pasaran e-buku di Korea dianggarkan sebesar 289.1 bilion Won (RM8 bilion).

Di negara maju seperti Amerika Syarikat, 60 peratus pembacanya lebih selesa dengan e-buku berbanding dengan penerbitan buku (p-buku). Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan peranti teknologi yang menyediakan aplikasi mudah dan pantas untuk mereka membaca melalui medium maya. Jika perkembangan ini dilihat di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa peratusan ini juga boleh dicapai dalam tempoh beberapa tahun lagi, tanpa mengambil kira impak yang diterima daripada kegawatar ekonomi semasa.

Di Malaysia industri e-buku masih berada pada peringkat awal. Pihak yang berkaitan dengan industri perbukuan negara, seperti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), melaksanakan pelbagai langkah bagi memacu transformasi: penerbitan buku (p-buku) kepada e-buku bagi memenuhi cita rasa pembacaan, khususnya untuk golongan muda seiring dengan perkembangan TMK di negara ini. Untuk menjadikan industri buku, termasuk e-buku, menjanakan pendapatan yang tinggi, dua langkah perlu diambil. Pertama, industri buku tempatan perlu dirancaikan; kedua, lebih banyak bahan diterbitkan untuk pasaran luar negara.

Berdasarkan data *Report Linker* (2016), Pasaran Penerbitan Global meningkat daripada AS\$244.4 bilion pada tahun 2011 kepada AS\$2 bilion pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 11.7 peratus. Buku merupakan 31 peratus daripada jumlah tersebut, iaitu peratus yang terbesar berbanding dengan penerbitan yang lain seperti surat khabar dan majalah.

Bagi Asia-Pasifik, pasaran buku berkembang 2.6 peratus setahun antara tahun 2008 hingga 2012, dengan buku menjanakan pendapatan terbesar, iaitu 47.2 peratus daripada keseluruhan nilai pasaran. Prestasi pasaran ini diramalkan akan berkembang pada kadar 3.7 peratus bagi tempoh tahun 2012-2017, dengan nilai pasaran diunjurkan berjumlah AS\$125.46 menjelang akhir tahun.

Oleh itu, penerbit di Malaysia perlu merpeluangi ini bagi meningkatkan jualan buku, terutama yang memaparkan ciri unik Malaysia sebagai tarikan untuk pasaran luar negara.